


LAPORAN PROGRAM
CAWANGAN INTEGRITI
JBALB SARAWAK

TAHUN 2025



MODUL PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI-RASUAH SIRI 1



Program Pengukuhan Governans, Integriti & Anti-rasuah adalah salah satu inisiatif di bawah Pelan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (2024-2028) ataupun dikenali sebagai *National Anti-corruption Strategy (NACS)*. JBALB telah melaksanakan program tersebut sebanyak tiga (3) siri bagi menyokong inisiatif kerajaan Malaysia selaras Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara, ruj.: JPA.100-1/4/1 (26) bertarikh 22 November 2024.

Siri pertama telah dilaksanakan pada 24 Feb 2025 di Raia Hotel and Convention Centre, Kuching. Kumpulan sasar bagi siri yang pertama adalah melibatkan kumpulan pengurusan tertinggi. Seramai 31 orang peserta yang telah hadir termasuk Pengarah JBALB Sarawak iaitu Datu Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan.

Selain itu, penceramah yang dijemput adalah khas daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Sarawak.



MODUL PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI- RASUAH SIRI 2

Siri kedua juga dilaksanakan di Raia Hotel and Convention Centre Kuching pada 25-26 Feb 2025. Kumpulan sasar bagi siri yang kedua adalah melibatkan kumpulan pengurusan dan professional. Seramai 26 orang peserta yang telah hadir.

Selain itu, penceramah jemputan adalah daripada Jabatan Hutan Sarawak; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Sarawak; dan Unit Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Premier Sarawak.





MODUL PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI-RASUAH SIRI 3

Siri ketiga dilaksanakan di Penview Hotel, Kuching pada 27-28 Feb 2025. Kumpulan sasar bagi siri yang ketiga adalah melibatkan kumpulan pelaksana. Seramai 36 orang peserta yang telah hadir.

Selain itu, penceramah yang dijemput adalah daripada Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Sarawak; dan Unit Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Premier Sarawak.



BENGKEL PENINGKATAN KEMAHIRAN SIASATAN DALAMAN JABATAN



Pada 16 & 17 April 2025, bengkel ini telah dianjurkan bagi tujuan memantapkan pengetahuan pegawai berkaitan tatacara tatatertib PANS serta meningkatkan kemahiran pengendalian siasatan dalaman jabatan.

Bengkel yang berlangsung di Hilton Hotel, Kuching ini melibatkan 20 orang peserta. Penceramah jemputan terdiri daripada Unit Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Premier Sarawak; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Sarawak; dan Jabatan Peguam Besar Sarawak.



Pada 19 Jun 2025, program ceramah ini telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran warga kerja mengenai penyalahgunaan ubat-ubatan dan produk tidak berdaftar serta bahaya penyalahgunaan bahan terlarang di tempat kerja.

Program yang berlangsung di Raia Hotel and Convention Centre, Kuching ini disertai 50 orang peserta daripada ibu pejabat dan pejabat bahagian JBALB.

Penceramah jemputan terdiri daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS), Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik.



CERAMAH PENYALAHGUNAAN BAHAN TERLARANG DI TEMPAT KERJA

HARI INTEGRITI JBALBS TAHUN 2025: “INTEGRITI PEMACU ORGANISASI PROGRESIF”

Pada 4 November 2025, program tahunan iaitu program Hari Integriti JBALB Sarawak telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi, Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak bertempat di RH Hotel, Sibü.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran penjawat awam terhadap tanggungjawab bersama serta memupuk semangat berintegriti, selain memperkukuh pemahaman mengenai kepentingan menerapkan nilai integriti dalam organisasi yang progresif.

Sebanyak 283 peserta telah menyertai program ini secara hibrid, termasuk yang hadir secara atas talian melalui aplikasi Zoom. Program ini turut menampilkan sesi forum yang dikendalikan oleh Puan Masnora binti Abdul Kadir, Ketua Penolong Pengarah (Sokongan Pekerja), bersama Timbalan-timbalan Pengarah JBALB Sarawak.

Selain itu, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah JBALB juga turut dilancarkan semasa program tersebut. Penceramah jemputan pula adalah daripada agensi luar, antaranya Pejabat Ombudsman Sarawak dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan integriti.

